

PERMASALAHAN DALAM PERLAKSANAAN PROGRAM KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (KAFA) DI DAERAH PENDANG KEDAH

Ruzaimah Zainol Abidin¹, Azman Md Zain¹ & Mohd Hilmi Hamzah²

¹Pusat Pengajian Umum, CAS, UUM. E-mail: ummufahim76@yahoo.com & manzain@uum.edu.my

²Pusat Pengajian Kerajaan, COLGIS, UUM. E-mail: h_mamat@yahoo.com

Accepted date: 5 Oktober 2017

Published date: 26 December 2017

To cite this document:

Zainol Abidin, R., Md Zain, A., & Hamzah, M. H. (2017). Permasalahan Dalam Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (Kafa) Di Daerah Pendang Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 70 - 82.

Abstrak: Program KAFA merupakan suatu konsep pendidikan agama peringkat rendah bagi menyokong dan memperkukuhkan pendidikan Islam yang sedia ada dalam pelaksanaan Pendidikan Kebangsaan Negara Malaysia. Penekanan yang diberikan dalam program tersebut adalah dalam aspek kemahiran membaca al-Quran dengan bertajwid dan pengukuhan asas-asas Fardu Ain dalam kalangan murid-muridnya, termasuk pengetahuan Bahasa Arab dan menulis Jawi. Namun dalam pelaksanaan Program KAFA tersebut, terdapat beberapa permasalahan yang seringkali berlaku. Melalui penelitian terhadap program KAFA di daerah Pendang, masalah-masalah tersebut cuba dikenalpasti. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah temu bual bersemuka dengan sampel dipilih secara rawak dalam kalangan guru sekolah rendah di daerah tersebut. Hasil kajian menunjukkan masalah-masalah yang sering berlaku dalam pelaksanaan program KAFA adalah disebabkan masalah pengurusan, pengajaran, disiplin murid dan juga elaun guru. Justeru itu diharap permasalahan ini boleh di atasi oleh Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kuala Lumpur dan seterusnya mampu meningkatkan lagi kemajuan program ini pada masa hadapan kerana matlamat Pendidikan Islam KAFA adalah untuk melahirkan murid yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia.

Kata Kunci: Permasalahan, Program Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA), Perlaksanaan

PROBLEMS IN THE IMPLEMENTATION OF AL-QURAN AND FARDU CLASS CLASSES PROGRAM (KAFA) IN KEDAH RIVER DISTRICT

Ruzaimah Zainol Abidin¹, Azman Md Zain¹ & Mohd Hilmi Hamzah²

¹Pusat Pengajian Umum, CAS, UUM. E-mail: ummufahim76@yahoo.com & manzain@uum.edu.my

²Pusat Pengajian Kerajaan, COLGIS, UUM. E-mail: h_mamat@yahoo.com

Abstract: *The KAFA program is a low level religious education concept to support and strengthen the existing Islamic education in the implementation of National Education of Malaysia. The emphasis given in the program was in the aspect of Quranic reading skills with the fate and strengthening of the foundations of Fardu Ain among his students, including Arabic knowledge and writing Jawi. However, in the implementation of the KAFA Program, there are several problems that often occur. Through research on the KAFA program in the Pendang area, these problems are being identified. The design of the study uses face-to-face interviews with samples randomly selected among primary school teachers in the area. The findings show that the problems that often occur in the implementation of the KAFA program are due to the problems of management, teaching, discipline and teacher allowance. It is hoped that this problem can be addressed by the Islamic Education Coordination and Development Section, the Islamic Affairs Division (BAHEIS), the Prime Minister's Department (JPM), Kuala Lumpur and will further enhance the future of the program as the goal of KAFA's Islamic Education is to produce students who are knowledgeable, believing, skillful, doing good deeds and being virtuous.*

Keywords: Problems, Quran Class Program And Fardu Ain (KAFA), Implementation

Pengenalan

Pendidikan merupakan suatu aspek yang amat dititikberatkan oleh Islam. Ia tergambar dalam bentuk ayat pertama al-Quran yang diturunkan. Pendidikan bukan sekadar pemindahan maklumat dari seorang guru kepada murid bahkan ia merupakan suatu proses untuk membentuk insan yang cemerlang menurut kaca mata ajaran Islam.

Sistem pendidikan di dalam Islam menekankan aspek pembangunan insan. Pembangunan insan membawa erti seseorang manusia dibangunkan dengan sifat-sifat kemanusiaan sesuai dengan fitrah kejadiannya. Setiap manusia dijadikan dengan komposisi yang sama iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Pendidikan Islam menekankan bahawa ke empat-empat elemen tersebut mestilah dibangunkan secara bersepadu. Pengabaian terhadap salah satu daripada aspek tersebut akan menyebabkan berlakunya kepincangan di dalam kehidupan masyarakat.

Dalam konteks Malaysia, Pendidikan Islam juga merangkumi pendidikan formal dan tidak formal. Pendidikan formal adalah pendidikan yang didapati dari institusi pengajian agama seperti sekolah agama, madrasah, masjid dan sebagainya. Pendidikan formal adalah berteraskan bidang pengajian Islam seperti Tauhid, Fikah, Akhlak, Tafsir dan Sejarah Islam. Sementara pendidikan tidak formal pula merupakan pengajaran yang berlaku secara langsung mahupun sebaliknya dalam kehidupan seharian seorang Muslim dan biasanya berlaku secara lisan atau diwarisi secara turun temurun.

Sistem Pendidikan Islam di Malaysia telah lama wujud sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Namun begitu, kebanyakan sistem Pendidikan Islam pada waktu itu merupakan sistem pendidikan yang tidak formal. Dalam hal ini, tidak terdapat peruntukan undang-undang khusus yang mewajibkan Pendidikan Islam diajar kepada semua anak-anak orang Islam. Pendidikan Islam mula diberi perhatian setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Kerajaan mula melaksanakan undang-undang pendidikan berdasarkan kepada Laporan Rahman Talib pada tahun 1960. Hasilnya, kerajaan telah menguatkuasakan satu akta iaitu kewajipan memberikan pendidikan agama kepada murid-murid yang beragama Islam di setiap sekolah. Proses ini berterusan dan berkembang hingga ke hari ini (Muhd Nur, 1984).

Pendidikan Islam merupakan aspek penting dalam membina keperibadian seseorang individu. Untuk mencapai hasrat tersebut, Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) merupakan salah satu kaedah penyampaian pendidikan Islam yang telah diterapkan secara formal. KAFA sebenarnya merupakan suatu usaha yang berterusan untuk mendidik dan membentuk pelajar-pelajar ke arah memperkembangkan fitrah individu (insan) selaras dengan al-Quran dan al-Sunnah. Usaha ini bertujuan melahirkan Muslim yang terdidik dengan didikan al-Quran dan al-Sunnah yang kuat amalannya kepada Allah swt serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam (Majalah Tarbiah, 2001).

Tumpuan program KAFA ini adalah kepada murid-murid Islam di Sekolah Rendah Kebangsaan yang memberi pengukuhan dan memperkayakan lagi asas-asas Pendidikan Islam. Matlamat Pendidikan Islam KAFA adalah untuk melahirkan murid yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta seterusnya akan dapat melahirkan insan yang bertakwa. Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, ianya banyak bergantung kepada pelaksanaannya yang berkesan bagi membentuk peribadi dan akhlak murid di Sekolah Kebangsaan. Program ini dilaksanakan kepada murid-murid tahun satu hingga tahun lima dan ia boleh dikira sebagai kelas pengajian al-Quran secara formal.

Walaupun begitu, sejak kebelakangan ini, sering kali terdengar beberapa permasalahan yang berkaitan dengan kelas KAFA terutama dalam aspek pengurusan. Setiap program yang dilaksanakan sebenarnya sudah tentulah tidak dapat lari dari masalah. Walaupun masalah pengurusan yang berlaku boleh dianggap sebagai masalah terpencil, namun ianya perlu diberi perhatian yang sewajarnya agar segala permasalahan yang timbul itu dapat diambil perhatian dan ada jalan penyelesaiannya. Masalah lain yang dapat dikesan melibatkan kemudahan dan keselesaan murid-murid yang mengikuti kelas KAFA yang perlu diperbaiki lagi. Ini kerana, masih terdapat kelas-kelas yang dipenuhi dengan bilangan murid yang ramai dan sudah pasti menimbulkan ketidakselesaan mereka untuk belajar. Tumpuan dan perhatian guru juga akan terganggu akibat terlalu ramai bilangan murid yang perlu dikawal. Faktor ini juga menyebabkan murid-murid menjadi kurang berdisiplin dan kurang memberi tumpuan kepada pengajaran yang disampaikan. Justeru, artikel ini akan membincangkan masalah yang dihadapi

dalam menjayakan program KAFA di daerah Pendang dan seterusnya memantapkan lagi sistem Pendidikan Islam di Malaysia bagi melahirkan murid yang berilmu dan berakhlak mulia.

Fardu Ain

Fardu Ain merupakan gabungan dua perkataan Bahasa Arab yang terdiri daripada *fard* dan *'ain*. Perkataan Fardu dari segi bahasanya berasal daripada kata kerja *farada* bermaksud mewajibkan dan memutuskan. Di samping itu, Fardu juga bermaksud penentuan jumlah-jumlah yang tertentu (Ibn al-Manzur, 1993).

Wahbah al-Zuhaili (1986), menjelaskan bahawa Fardu Ain ialah apa yang diperintahkan oleh syarak yang melibatkan perlaksanaannya ke atas setiap individu daripada kalangan golongan mukalaf yang mana kewajipan itu tidak sah diwakilkan kepada individu yang lain seperti solat, haji, menjauhi perkara-perkara yang haram dan sebagainya. Hukumnya ialah wajib dilakukan oleh setiap mukalaf bahkan tidak gugur kewajipan itu jika dilaksanakan oleh sekumpulan mukalaf yang lain.

Kesimpulannya, Fardu Ain merupakan asas pembinaan kemuliaan peribadi seseorang. Matlamatnya untuk membina individu-individu yang soleh dan mereka inilah yang akan mencorakkan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya. Justeru, Fardu Ain ialah sesuatu yang telah diwajibkan oleh Allah kepada setiap hambanya seperti solat, puasa, menuntut ilmu, berjihad dan seumpamanya.

Pelaksanaan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (Kafa)

Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain adalah satu usaha berterusan untuk mendidik dan membentuk pelajar-pelajar Islam ke arah memperkembangkan fitrah individu (Insan) selaras dengan kehendak Al-Quran dan As-Sunnah. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan manusia yang terdidik dengan didikan Al-Quran dan As-Sunnah yang kuat iman dan amalannya kepada Allah serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam.

Kelas pengajian KAFA merupakan satu program berkonsepkan pengukuhan asas Pendidikan Islam dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca Al-Quran serta asas-asas Fardhu Ain. Objektif penubuhan KAFA adalah untuk:

- a) Mewujudkan suatu sistem kelas pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain yang kemas, seragam dan bersepadu di seluruh Malaysia.
- b) Memastikan semua kanak-kanak Islam yang berumur tujuh hingga dua belas tahun di negara ini dapat mempelajari dan boleh menguasai bacaan Al-Quran dengan baik.
- c) Memastikan semua kanak-kanak Islam di negara ini dapat mempelajari dan mengamalkan perkara-perkara asas fardhu ain.
- d) Memperkukuh asas pendidikan agama Islam untuk kanak-kanak Islam dalam pendidikan Al-Quran dan Fardhu Ain.

(JAKIM, 2016)

Ulasan Karya

Terdapat beberapa kajian berkenaan Pengajian al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), sama ada secara langsung atau sebaliknya. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Mohd Isha Awang, Yaakob Daud e.t.c (2013) yang bertajuk: “Amalan Pengajaran Guru KAFA dalam pelaksanaan Pembelajaran Kelas Fardhu Ain (KAFA) di Negeri Kedah Darul Aman”. Kajian berbentuk

tinjauan ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran tentang amalan pengajaran guru KAFA dalam pelaksanaan pembelajaran KAFA di negeri Kedah. Kajian ini melibatkan 113 orang guru KAFA dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data kajian. Dapatan kajian menunjukkan tahap pelaksanaan pengajaran, kawalan kelas dan keperihatinan guru-guru KAFA berada pada tahap yang tinggi. Keadaan ini menunjukkan responden memiliki ciri-ciri guru berkesan.

Daud, Wan Mohd Khairul Firdaus dan Mahadi (2014) dalam kajian mereka telah menghurai mengenai masalah-masalah yang sering berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran program KAFA, antaranya adalah peruntukan masa yang terhad, kekangan tenaga pengajar yang mahir dan berpengalaman luas serta keterlibatan tenaga pengajar bukan pengkhususan dilihat sebagai penyebab yang signifikan kepada masalah program KAFA kurang berjaya. Justeru, pengkaji mencadangkan supaya faktor-faktor berkenaan patut diambil kira dalam penjadualan pemerkasaan program KAFA.

Azizi dan rakan-rakan (2014) menyatakan masalah pengurusan KAFA yang penuh dengan kepelbagaian jenis, bentuk, identiti, lokasi dan sebagainya adalah bukan perkara baru kerana ia sudah lama bertapak sejak sekian lama. Perbezaan ini bertitik tolak daripada pengurusan sekolah yang dibiarkan oleh kerajaan dan menyerahkan sepenuhnya kepada masyarakat setempat tanpa pemantauan dan pengawalan yang sempurna. Jenis pemilikan, lokasi dan penglibatan masyarakat yang berbeza telah memberi kesan kepada perbezaan kelangsungan dan cabaran pengurusannya. Begitu juga dengan keperluan terhadap jenis dan bentuk sekolah yang ditubuhkan. Selain itu, masalah lain yang sering berlaku kerana pengurusan nama dan identiti pengkategorian sekolah mudah mengelirukan masyarakat dan ia perlu disusun semula agar istilah yang digunakan tepat dan bersesuaian dengan kewujudannya. Nama integrasi dan bukan integrasi pada sekolah perlu penyusunan semula. Masalah pengurusan dan keperluan sekolah seperti sumber kewangan dan sumber manusia perlu disusun semula agar perjalanan operasinya menjadi lebih berkesan khususnya sekolah yang dibina atas daya usaha masyarakat. Skim galakan diberikan kepada pengusaha atau individu yang berjaya mewujudkan cawangan yang berbentuk KAFA atau Sekolah Rendah Islam (SRI) di seluruh negeri Selangor. Masjid dan SAR yang mempunyai dana yang besar boleh membantu kerajaan negeri dalam membangunkan KAFA Integrasi sama ada dengan mentadbir sendiri atau menyerahkan pengurusannya kepada pihak swasta. Kesungguhan masyarakat dan kerajaan dalam membangunkan sekolah yang sempurna (ada kurikulum kebangsaan & agama) lebih besar kesannya berbanding yang tiada integrasi.

Manakala menurut Fatimah (2016), dalam konteks pendidikan Islam, penguasaan murid terhadap subjek Jawi sering menjadi satu topik perbincangan terutama untuk melihat perkembangan penguasaan Jawi pada masa kini. Kajian yang dilakukan beliau bertujuan untuk mengetahui apakah faktor yang menyebabkan murid tidak dapat menguasai pelajaran Jawi. Dapatan kajian menunjukkan ketidakupayaan murid menguasai jawi bukanlah disebabkan oleh satu pihak sahaja namun ianya melibatkan sikap murid, amalan PdP guru, persekitaran murid dan juga daripada pihak ibu bapa sendiri.

Menurut laporan pemantauan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) (2005), terdapat guru yang mengajar Kemahiran al-Quran tidak mempunyai kemampuan mengajar tarannum dengan betul. Demikian juga dengan mata pelajaran Qiraat as-Sab'ie, guru-guru juga didapati kurang mendapat pendedahan dan kursus yang berkaitan. Hal ini juga didukung oleh Mohd Aderi (2011) yang mendapati adanya guru yang tidak pernah menghadiri sebarang kursus yang berkaitan dengan kelas khas kemahiran al-Quran (KKQ). Laporan

JAPIM (2005) juga menunjukkan bahawa pendekatan guru yang cenderung menggunakan kaedah pengajaran tradisi telah menyebabkan murid merasa bosan dan kurang aktif dalam kelas KKQ. Faktor waktu kelas pengajaran yang berlangsung pada waktu petang juga mengurangkan minat murid untuk memberikan perhatian mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas KKQ. Murid juga menjadi serba salah untuk menghadiri kelas KKQ kerana pada waktu yang sama terdapat juga aktiviti kokurikulum dan kelas tambahan yang diadakan.

Metod

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual berstruktur. Sampel kajian adalah seramai 11 orang responden yang terdiri guru-guru sekolah di daerah Pendang, Kedah. Cara pemilihan responden dibuat dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak di mana sampel dipilih itu juga diyakini mempunyai ciri-ciri kewakilan (*representativeness*) yang terdapat pada populasi tersebut. Instrumen dalam kajian ini telah diadaptasikan daripada kajian-kajian lepas mengikut kesesuaian kajian yang mengambil kira pemboleh ubah masalah-masalah yang berlaku dalam proses pengajaran program KAFA. Pemprosesan data dilakukan dengan menggunakan perisian Nvivo 10 bagi mencari jawapan yang menyeluruh berdasarkan kepada satu model holistik yang dibentuk bagi memaklumkan gambaran sebenar hasil dapatan kajian.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan mengenai hasil dapatan kajian kualitatif secara keseluruhan disusuli perbincangan mengenai permasalahan dalam pelaksanaan program kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di daerah Pendang, Kedah. Untuk memberi penjelasan secara terperinci tentang pola pembentukan tema-tema, pengkaji menggunakan pendekatan *tree nodes* yang terdapat dalam perisian Nvivo 10. Analisis yang dijalankan (Lihat Rajah 1) menunjukkan antara masalah-masalah yang sering berlaku dalam pelaksanaan program KAFA di Pendang, Kedah iaitu;

1. Masalah Pengurusan

Masalah utama bagi pengurusan KAFA di sekolah-sekolah seperti yang dinyatakan oleh guru-guru KAFA ialah masalah pengurusan yang melibatkan perkara seperti penyeliaan kelas-kelas KAFA yang tidak sistematik, pertembungan dengan aktiviti-aktiviti sekolah, ketiadaan Rekod Kehadiran guru-guru KAFA dan ketiadaan Bilik Operasi KAFA secara khusus untuk kegunaan guru-guru KAFA.

a) Penyeliaan Kelas-kelas KAFA Yang Tidak Sistematik

Masalah yang paling utama sebagaimana yang dinyatakan oleh responden di sekolah-sekolah ialah penyeliaan ke atas kelas-kelas KAFA yang tidak sistematik dan tidak mengikut jadual. Ini terjadi disebabkan kekangan masa yang dihadapi oleh penyelia kerana di daerah Pendang terdapat 28 buah sekolah dan hanya mempunyai dua orang penyelia. Jadi, penyelia menghadapi masalah untuk menyelia sekolah-sekolah akibat masa yang terhad. Penyeliaan hanya boleh dilakukan untuk setiap sekolah dua kali setahun. Keadaan ini menyebabkan kelas-kelas tersebut dijalankan tanpa pemantauan secara langsung oleh penyelia di Unit KAFA, daerah Pendang. Masalah yang berlaku ini juga adalah berpunca daripada kesibukan penyelia dengan kerja-kerja pentadbiran di Unit KAFA.

Oleh yang demikian, masalah ini merupakan masalah utama yang dihadapi sama ada di bahagian pentadbiran KAFA mahupun di lokasi-lokasi KAFA. Penyeliaan yang tidak tersusun dan teratur ini juga telah mengundang pelbagai masalah sampingan antaranya kekurangan disiplin dalam kalangan guru-guru KAFA atau murid-murid dalam aspek kedatangan kelas, komitmen dengan jadual waktu dan kurikulum KAFA, pemakaian pakaian rasmi sekolah dan perkara-perkara yang berkaitan dengan peraturan KAFA (Latipah Ahmad, 2016).

b) Pertembungan Dengan Aktiviti-aktiviti Sekolah

Masalah kedua yang dinyatakan oleh responden di sekolah-sekolah ialah pertembungan kelas-kelas KAFA dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah seperti aktiviti Ko-kurikulum, sukan dan sebagainya (Ummu Athiah Ahmad, 2016). Masalah pertembungan ini telah mengundang masalah ketidakhadiran murid-murid ke kelas KAFA atau mereka hadir dalam tempoh yang singkat. Masalah ini akhirnya memberi kesan negatif terhadap penghayatan mereka terhadap pelajaran yang disampaikan.

c) Ketiadaan Rekod Kehadiran Guru-guru KAFA Dan Bilik Operasi KAFA

Masalah ketiga yang telah dinyatakan oleh responden ialah ketiadaan buku atau sistem rekod kehadiran yang khusus dan sistematik untuk guru-guru yang mengajar KAFA. Tetapi, atas inisiatif ketua guru KAFA di sekolah yang tertentu sahaja, buku kehadiran telah diwujudkan untuk merekod kedatangan dan waktu pulang guru-guru bagi memastikan setiap guru memberi komitmen yang tinggi terhadap tugas yang diamanahkan. Daripada pemerhatian yang dilakukan terhadap sekolah yang mempunyai buku rekod kedatangan guru, kehadiran guru ke sekolah dapat dipantau dengan baik oleh ketua guru dan dapat mengenal pasti guru yang tidak hadir atau yang datang lewat ke sekolah. Ini dapat melicinkan perjalanan kelas KAFA.

Selain itu, responden menyatakan guru-guru KAFA tidak mempunyai bilik operasi yang khusus untuk mereka kerana ketiadaan bilik yang mencukupi di sekolah-sekolah. Hanya dua sekolah di daerah Pendang yang mempunyai bilik operasi khusus untuk guru KAFA. Ianya terhasil daripada perbincangan Ketua Guru atau penyelarasan dengan pihak pentadbir dan Guru Besar yang telah bersetuju untuk memberikan satu bilik yang tidak digunakan kepada guru-guru KAFA (Halimah Awang, 2016). Ketiadaan bilik operasi yang khusus kepada guru-guru KAFA ini memberi masalah kepada mereka untuk meletakkan Bahan Bantu Mengajar (BBM), buku-buku tulis dan lembaran-lembaran kerja murid.

Oleh yang demikian, guru-guru KAFA terpaksa membawa pulang alatan tersebut atau meletakkan buku-buku murid di kelas yang tertentu dengan persetujuan guru-guru kelas pada sesi pagi. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab ketua guru atau penyelarasan KAFA di setiap sekolah berbincang dengan guru besar dalam menangani masalah tersebut. Ini untuk melicinkan perjalanan pengajaran dan pembelajaran kelas KAFA.

2. Masalah Pengajaran

Masalah ini adalah ketara dengan kelewatan sesetengah murid menghadiri kelas dan kurang memberi respon ketika guru mengajar. Selain itu, kelas KAFA ini juga menghadapi masalah murid-murid ponteng yang tidak mahu hadir ke kelas KAFA dengan alasan-alasan yang tertentu.

Ini bertepatan dengan pendapat yang diberikan oleh Mustaza (1994), yang menyatakan bahawa pendorong berlakunya situasi ini adalah kerana sesi pembelajaran yang dikatakan

membosankan. Beliau turut menyatakan bahawa guru yang tidak kreatif adalah penyebab utama masalah ponteng terjadi. Selain itu, menurut Mustaza lagi, kajiannya telah meneliti beberapa faktor yang mendorong kepada salah laku ponteng iaitu faktor individu dan keluarga, faktor persekolahan dan faktor persekitaran sekolah. Pandangan Mustaza ini di selari dengan Manson dan Edie (1998) yang turut menyatakan bahawa sikap guru adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah ponteng dalam kalangan murid.

Sementara itu, bagi kelas pengajian KAFA, faktor-faktor yang menyebabkan berlaku gejala ponteng ini adalah kerana murid-murid keletihan setelah belajar pada sesi persekolahan pagi. Selain itu, pengkaji telah membuat sesi temubual dengan murid-murid yang tidak hadir ke kelas KAFA dan jawapan yang diberikan mereka lebih berminat untuk menonton televisyen di rumah kerana terdapat program-program yang menarik untuk ditonton. Murid-murid juga menyatakan mereka tidak berminat untuk ke kelas KAFA kerana subjek-subjek yang diajar susah untuk difahami. Selain itu juga, menurut ketua guru KAFA Mohd Helmi Yusuf (2016) terdapat pertembungan kelas KAFA dengan aktiviti-aktiviti sekolah contohnya kelas tambahan, sukan dan lain-lain turut menjadi asas murid-murid bertindak untuk ponteng kelas pengajian KAFA.

3. Disiplin Murid

Masalah disiplin selalu berlaku sama ada di luar mahupun dalam bilik darjah. Semua ini terjadi kerana murid-murid terdiri daripada pelbagai latar belakang sahsiah, intelek, jasmani, rohani dan sosioekonomi yang berbeza. Apabila wujud tingkah laku bermasalah atau masalah disiplin berlaku dalam bilik darjah, maka proses pengajaran dan pembelajaran juga akan turut terjejas. Contoh masalah disiplin yang kerap berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran ialah melawan dan tidak menghormati guru, membaca bahan-bahan lain, mengeluarkan kata-kata kesat, makan, membuat bising atau bergerak bebas di dalam bilik darjah, mengganggu pengajaran dan pembelajaran, tidak membuat kerja seperti yang diarahkan, ponteng kelas dan lewat masuk ke kelas. Intensiti gangguan terhadap persekitaran pengajaran dan pembelajaran mempunyai perkaitan dengan jenis kekerapan dan tempoh berlaku tingkah laku tersebut. Selain itu, ia juga mempengaruhi psikologi murid-murid, kesediaan mereka untuk belajar, dan tingkah laku mereka pada masa mendatang.

Kegagalan mengurus tingkah laku murid dalam bilik darjah boleh menimbulkan gangguan kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, guru juga boleh menjadi pengurus bilik darjah yang paling berkesan dan akan berhadapan dengan murid yang tidak produktif yang memerlukan intervensi (Brophy, 1996). Justeru itu, mendisiplinkan murid yang bertingkah laku mengganggu adalah sebahagian daripada rutin pengajaran guru.

Disiplin juga merupakan ketaatan (kepatuhan) kepada peraturan (tatatertib dan sebagainya). Oleh itu, perlu ada disiplin dalam diri setiap murid untuk menjadikan mereka murid yang berjaya dan dapat membentuk akhlak yang baik. Namun, terdapat beberapa masalah disiplin dalam kalangan murid-murid KAFA berdasarkan kepada respon dan maklum balas daripada responden.

Masalah yang sering berlaku semasa kelas KAFA ialah murid susah untuk dikawal kerana masa yang panjang dan mereka tidak mengikut arahan yang diberikan oleh guru. Ini mungkin disebabkan oleh murid berasa bosan dan terlalu letih atau mungkin disebabkan oleh guru yang sama berada di kelas tersebut sehingga berakhirnya kelas.

Sehubungan itu, menurut Mok (2008), kepentingan faktor pengurusan bilik darjah yang efektif dalam pekerjaan seharian guru tidak dapat disangkal lagi. Salah satu elemen penting dalam membina suasana bilik darjah yang sihat dan harmonis adalah disiplin pelajar yang terkawal kerana ia dapat menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Selain itu, masalah disiplin juga dikatakan berlaku kerana faktor guru itu sendiri. Pendekatan dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru tidak menarik atau tidak sesuai. Sesetengah guru gagal memilih dan menggunakan pendekatan dan kaedah pengajaran yang dapat menarik dan mengekalkan minat murid kepada perkara yang disampaikan oleh guru. Hasilnya, murid menjadi bosan, tidak menumpukan perhatian dan menimbulkan masalah disiplin (Shahabudin, Rozihani & Mohd Zohir, 2007).

Sebaliknya, jika seseorang guru itu bijak, kreatif dan inovatif, maka dia akan dapat menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan melibatkan pelajar secara aktif dan terkawal. Kaedah berkesan yang digunakan akan dapat mengurangkan masalah yang tidak dikehendaki. Kepelbagaian kaedah, teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran akan menjadi pelajar aktif, seronok dan mudah menerima apa yang diajar oleh guru. Dengan itu karenah disiplin dapat dikurangkan (Abdul Rahim, 1999).

Hubungan guru dengan pelajar yang kurang baik dan kurang mesra juga turut menjadi salah satu faktor wujud masalah disiplin. Tengku Sarina Aini dan Yusmini (2006), menyatakan bahawa tugas guru bukan bersifat statik dan hanya tertumpu kepada objektif akademik sahaja. Tetapi guru berperanan dan mempunyai pengaruh yang besar kepada pembentukan kehidupan sosial pelajar. Sehubungan itu, pembinaan hubungan berkesan antara guru dan murid adalah pendekatan terbaik bagi mencapai hasrat ini.

Antara kelebihan lain apabila wujud hubungan baik guru dan pelajar ialah ianya akan melahirkan persefahaman yang padu sesama mereka serta wujud rasa percaya mempercayai dan seterusnya dapat memberi kesan positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu, sudah pasti masalah disiplin dalam kalangan murid akan dapat dikawal dan dikurangkan.

Dalam konteks program KAFA, apa yang dapat diperhatikan, murid-murid tidak memberi perhatian yang sewajarnya kepada pengajaran yang disampaikan oleh guru. Mereka berbual dan bermain sesama rakan dan hanya segelintir sahaja yang memberi perhatian. Masalah ini jika tidak di kawal akan menyebabkan murid akan berasa bebas melakukan aktiviti yang mereka minati tanpa mempedulikan pengajaran guru dan boleh menyebabkan murid tidak berminat dengan kelas KAFA.

Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat, terdapat banyak faktor yang mendorong kepada berlakunya masalah disiplin dalam bilik darjah ini. Lantaran itu, langkah-langkah berkesan haruslah dikaji dan dilaksanakan bagi mengatasi masalah disiplin tersebut. Penting untuk seorang guru itu mengawal disiplin murid semasa pengajaran dan pembelajaran dengan cara yang sesuai agar dapat membentuk sahsiah mereka yang berakhlak dan berbudi pekerti mulia.


4. Elaun Guru KAFA

Masalah elaun KAFA ini boleh dikatakan sebagai isu yang hangat dibincangkan oleh pelbagai pihak. Isu ini dilihat tiada kesudahannya. Dalam ekonomi yang semakin mendesak ini seharusnya elaun kepada guru-guru KAFA perlu difikirkan semula oleh pihak yang berkenaan.

Kebanyakan daripada guru-guru KAFA terpaksa menambah pendapatan mereka dengan mengajar al-Quran di sekolah swasta pada waktu pagi. Hasil temu bual pengkaji bersama guru-guru KAFA, mendedahkan bahawa elaun guru KAFA yang diterima masih belum mencukupi dan ianya ditambah lagi dengan bebanan dan kos sara hidup yang tinggi.

Merujuk kepada perbincangan yang dilakukan di atas, walaupun program KAFA bertujuan untuk melahir dan memberi kesan yang positif kepada murid-murid terutama dalam mengukuh dan memperkayakan lagi asas-asas Pendidikan Islam dalam kalangan mereka, namun program ini tidak terlepas daripada menghadapi masalah-masalah tertentu. Masalah-masalah tersebut meliputi ketiadaan bilik operasi KAFA yang khusus, tugas-tugas penyeliaan yang kurang dilakukan, masalah pengajaran, masalah disiplin murid dan juga penerimaan elaun KAFA yang tidak mencukupi. Justeru itu, masalah-masalah ini perlu diatasi dengan bijaksana dan terancang agar program KAFA ini dapat dilaksanakan dengan jaya dan cemerlang.

Rajah 1: Permasalahan Dalam Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)



Kesimpulan

Program KAFA merupakan suatu konsep pendidikan agama peringkat rendah bagi menyokong dan memperkukuhkan pendidikan Islam yang sedia ada dalam pelaksanaan Pendidikan Kebangsaan Negara Malaysia. Penekanan yang diberikan dalam program tersebut adalah dalam aspek kemahiran membaca al-Quran dengan bertajwid dan pengukuhan asas-asas Fardu Ain dalam kalangan murid-muridnya, termasuk pengetahuan Bahasa Arab dan menulis Jawi. Selain itu, kelas KAFA juga mampu memberi sesuatu impak yang positif kepada masyarakat. Ianya boleh dilihat melalui perkembangan penubuhan KAFA di negeri Kedah yang mana telah melalui pelbagai fasa sehingga kini. Pada awalnya objektif KAFA yang utama adalah untuk melahirkan murid yang boleh membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid. Namun begitu, dengan peningkatan dan pengemaskinian pengajian al-Quran serta ditambah pengajian Fardu Ain yang lebih seragam dan sistematik, telah memperlihatkan program KAFA ini mampu meneruskan kejayaannya pada masa mendatang.

Rentetan daripada sejarah penubuhannya, pengkaji melihat KAFA adalah program yang berjaya memberikan sesuatu kepada masyarakat dan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri yang boleh dibanggakan oleh umat Islam. Pelaksanaan program KAFA terutama di daerah Pendang secara umumnya adalah tersusun dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh JAKIM. Namun begitu, masih ada ruang yang boleh diperbaiki terutama dari segi pelaksanaannya bagi memastikan program KAFA daerah Pendang ini menjadi lebih mantap, disegani dan boleh menjadi contoh yang terbaik kepada institusi KAFA di daerah-daerah lain.

Justeru itu harapan diletakkan kepada Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kuala Lumpur sebagai penganjur agar dapat meningkatkan lagi kemajuan program ini di masa hadapan. Harapan ini juga dijelmakan supaya matlamat Pendidikan Islam KAFA untuk melahirkan murid yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah dapat dijelmakan dan seterusnya akan lahir insan yang bertakwa yang dapat memacu kehidupan bermasyarakat.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abd. Halim Mat Diah (1989). *Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Abdullah Ishak (1985). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahim Abdul Rashid (1999). *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Razak Hj Osman (1988). *Sistem Pendidikan Islam Sekolah Rendah Malaysia*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.

Ibn Manzur (1993). *Lisan al-Arab*. Beirut: Muassasah al-Tarikh al –Arabi Wa Dar al-Ihya al-Thurath al-Arabi. h 230-231.

Jabatan Agama Islam Kedah (JAIK) (2005). *Peraturan Pelaksanaan Sekolah Agama Rakyat/KAFA/Integrasi Negeri Kedah*.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1995). *Buku Panduan Perkara Asas Fardhu Ain*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Majalah AtTarbiah (2001). *Perkembangan dan Pencapaian Kelas KAFA Negeri Kedah*. Unit KAFA Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah.
- Mohd Nur Manuty (1984). *Falsafah Pendidikan Islam: Satu Huraian Terhadap Idealisme dan Realiti Dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan Masa Kini*. Jurnal Pendidikan Islam, 2(3), h 1-14.
- Mohd Nur Manuty (1984). *Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Beberapa Analisa Kritis Terhadap Pemikiran-Pemikiran Asas dalam Perspektif Sejarah*. Jurnal Pendidikan Islam, Bil.2. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Mok Soon Sang. (2008). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (1991). *Pedagogi 2: Strategi pengajaran dan pengajaran mikro*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Kuala Lumpur: Unit Kurikulum, Cawangan PPPI, JPM. h 1
- Shahabuddin Hashim, Rozihani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad. (2007). *Strategi dan teknik mengajar berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Yusmini Md. Yusoff (2006). *Kaedah Mengajar dan Kemahiran Interpersonal Guru*. Selangor: PTS Akademia.
- Wahbah al-Zuhaili (1986). *Usul Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr.